



# ELEMEN PATRIOTISME PATUH SYARIAH DALAM MATA PELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH MENENGAH



MOHD ERFINO BIN JOHARI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



**ELEMEN PATRIOTISME PATUH SYARIAH DALAM MATA PELAJARAN  
PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH MENENGAH**

**MOHD ERFINO BIN JOHARI**

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH  
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH  
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2023**



Sila tanda (✓)  
Kertas Projek  
Sarjana Penyelidikan  
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus  
Doktor Falsafah

|   |
|---|
|   |
|   |
|   |
| ✓ |

## INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

### PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 11 (hari bulan) 04 (bulan) 2023

#### i. Perakuan Pelajar:

Saya, MOHD ERFINO BIN JOHARI, P20201000315 FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk ELEMEN PATRIOTISME PATUH SYARIAH DALAM MATA PELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH MENENGAH adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

#### ii. Perakuan Penyelia:

Saya DR NORHISHAM MUHAMAD (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk ELEMEN PATRIOTISME PATUH SYARIAH DALAM MATA PELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH MENENGAH dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (PENDIDIKAN ISLAM) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: ELEMEN PATRIOTISME PATUH SYARIAH DALAM MATA PELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH MENENGAH

No. Matrik / Matric's No.: P20201000315

Saya / I: MOHD ERFINO BIN JOHARI  
(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.  
*The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.*
5. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /  
*Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. /  
*Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar / Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh:

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

*Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.*



## PENGHARGAAN

Segala puji-pujian dan kesyukuran yang tidak terhingga dipersembahkan kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya jua maka tesis ini dapat disempurnakan. Pelbagai pengalaman dikutip di sepanjang kembara ilmu ini, sekaligus menginsafkan diri betapa luasnya lautan ilmu milik mutlak Yang Maha Esa dan betapa kerdilnya diri sebagai pencari ilmu. Sekalung penghargaan diucapkan kepada Dr. Norhisham bin Muhamad selaku Penyelia yang baik budi, Prof Dr. Azmil Hashim, Prof. Dr. Mohd Aderi Che Noh, Prof Madya Dr. Norazmi Anas, Prof Madya Dr. Natasha Mohd Khalil dan para akademia atas bimbingan, nasihat, kritikan dan komen yang diberikan sepanjang perjalanan menyiapkan tesis ini. Walaupun dihipit dengan pelbagai komitmen namun masih memberikan masa dan ruang untuk berbincang dan memberi tunjuk ajar yang amat berguna. Hanya Allah SWT sahaja yang mampu membalasnya. Penghargaan khusus ditujukan untuk bonda Hajjah Latifah binti Moh Yasin dan ayahanda Haji Johari bin Haji Jamsuri atas titip doa, sokongan dan dorongan yang sentiasa diberikan. Seterusnya buat isteri tercinta, Anis Badiah binti Mat Nor atas sokongan dan pengorbanannya yang tidak bertepi. Tinta kasih jua buat anak-anak tersayang, Syamim Syauqi dan Aimi Nadirah Rahimi, Jihad Wajdi, Ajmal Lutfi, Munir Fuadi, Umaier Khalili dan Nuha Ulyaa Badiah serta cucunda sulong, Naeyl Qarizh yang menjadi tulang belakang penguat semangat dalam kembara ilmu ini. Tidak dilupakan adinda Mohd Erwan Johari dan Mohd Erfian Johari serta keluarga masing-masing. Terima kasih yang tidak terhingga, semoga keluarga kita sentiasa dirahmati-Nya. Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada semua sahabat sepersekolahan khususnya Haji Annas Ahmad kerana memberi sokongan untuk saya menyambung pengajian ke peringkat Ph.D. Akhirnya, ucapan penghargaan ini juga ditujukan kepada semua rakan-rakan seangkatan yang sentiasa menyokong satu sama lain dan tidak dapat diungkapkan satu persatu namanya, namun sentiasa terpahat di hati. Alangkah indahnya persaudaraan yang terbina. Tidak dilupakan Institut Pengajian Siswazah khususnya Puan Nurul Fatimah Abdullah, Puan Malini Devarajan, semua peserta kajian, pengetua, pihak pengurusan sekolah, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya dan pihak Kementerian Pendidikan yang terlibat dalam penyelidikan ini. Terima kasih teristimewa buat Universiti Pendidikan Sultan Idris. Segala bantuan yang dihulurkan bagi melancarkan proses penyelidikan ini amat dihargai. Allah jua sebaik-baik Pemberi ganjaran.





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneroka kefahaman patriotisme dalam kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI), meneroka penerapan elemen patriotisme dalam kalangan GPI, meneliti pandangan GPI terhadap penghayatan elemen patriotisme murid Islam dan melihat faktor-faktor kekangan yang wujud dalam pelaksanaan penerapan elemen patriotisme dalam mata pelajaran Pendidikan Islam secara mendalam. Patriotisme sangat penting dalam Pendidikan Islam kerana ia mempersiapkan Guru Pendidikan Islam untuk membina jati diri murid dan keperibadian muslim dengan berlandaskan kepatuhan kepada syariah. Selanjutnya, kajian ini meneliti kepentingan penerapan elemen patriotisme dalam mata pelajaran Pendidikan Islam serta meneroka elemen Patriotisme Patuh Syariah (PPS). Kajian ini berbentuk kajian kes dengan menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya. Pengumpulan data dilakukan melalui temu bual separa berstruktur, pemerhatian pengajaran dan analisis dokumen. Data dianalisis menggunakan perisian ATLAS.ti. 9. Seramai lapan orang GPI yang berkhidmat di beberapa buah sekolah di Wilayah Persekutuan Putrajaya telah dipilih sebagai peserta kajian melalui kaedah persampelan bertujuan. Selanjutnya, kaedah members checking, peers review dan pengesahan pakar penilai diperoleh sebagai triangulasi. Kajian mendapati GPI mempunyai kefahaman yang menyeluruh terhadap patriotisme serta mampu menerapkan elemen patriotisme dalam konteks pengajaran Pendidikan Islam. GPI turut didapati cakna dan prihatin terkait penghayatan elemen patriotisme murid Islam, mengenal pasti kekangan dalam penerapan serta kepentingan penerapan elemen patriotisme. Kajian ini menghasilkan elemen Patriotisme Patuh Syariah (PPS) berasaskan patriotisme Islam yang bersifat praktikal dan memenuhi keperluan semasa, di samping turut menyuntik implikasi positif kepada polisi melibatkan Kementerian Pendidikan Malaysia, institusi keguruan, amalan pentadbiran pihak sekolah, guru dan pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam.





## SHARIAH-COMPLIANT PATRIOTISM ELEMENT IN HIGH SCHOOL ISLAMIC EDUCATION SUBJECT

### ABSTRACT

This study aims to explore the understanding of patriotism among Islamic Education Teachers (GPIs), explore the application of elements of patriotism among GPIs, examine the views of GPIs on the appreciation of elements of patriotism among Muslim students and see the constraints that exist in the implementation of the application of elements of patriotism in Education subjects Islam in depth. Patriotism is very important in Islamic Education because it prepares Islamic Education Teachers to build the student's identity and Muslim personality based on adherence to Shariah. Furthermore, this study examines the importance of applying elements of patriotism in Islamic Education subjects as well as explores the elements of Shariah-Compliant Patriotism (PPS). This study is a case study using a fully qualitative approach. Data collection was done through semi-structured interviews, teaching observations and document analysis. Data were analysed using ATLAS.ti software. 9. A total of eight GPIs who serve in several schools in the Federal Territory of Putrajaya were selected as study participants through purposive sampling. Further, the methods of members checking, peer review and confirmation of expert assessors are obtained as triangulation. The study found that GPIs have a comprehensive understanding of patriotism and are able to apply elements of patriotism in the context of teaching Islamic Education. GPIs were also found to be aware and concerned about the appreciation of elements of patriotism among Muslim students, identifying constraints in the application as well as the importance of applying elements of patriotism. This study produced an element of Shariah-Compliant Patriotism (PPS) based on Islamic patriotism that is practical and meets current needs, while also injecting positive implications to policies involving the Ministry of Education Malaysia, teaching institutions, school administration practices, teachers and the teaching of Islamic Education subject.



# KANDUNGAN

## Muka Surat

|                                    |       |
|------------------------------------|-------|
| <b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b> | ii    |
| <b>PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS</b> | iii   |
| <b>PENGHARGAAN</b>                 | iv    |
| <b>ABSTRAK</b>                     | v     |
| <b>ABSTRACT</b>                    | vi    |
| <b>KANDUNGAN</b>                   | vii   |
| <b>SENARAI JADUAL</b>              | xv    |
| <b>SENARAI RAJAH</b>               | xviii |
| <b>SENARAI SINGKATAN</b>           | xx    |
| <b>BAB 1           PENDAHULUAN</b> | 1     |
| 1.1   Pengenalan                   | 1     |
| 1.2   Latar Belakang Kajian        | 5     |
| 1.3   Pernyataan Masalah           | 13    |
| 1.4   Tujuan Kajian                | 20    |
| 1.5   Objektif Kajian              | 20    |
| 1.6   Persoalan Kajian             | 21    |
| 1.7   Kerangka Teoritikal Kajian   | 22    |

|        |                             |    |
|--------|-----------------------------|----|
| 1.8    | Kerangka Konseptual Kajian. | 24 |
| 1.9    | Batasan/Limitasi Kajian.    | 26 |
| 1.10   | Kepentingan Kajian          | 26 |
| 1.11   | Definisi Operasional Kajian | 28 |
| 1.11.1 | Elemen                      | 28 |
| 1.11.2 | Pendidikan Islam            | 29 |
| 1.11.3 | Jati Diri                   | 30 |
| 1.11.4 | Sekolah Menengah            | 31 |
| 1.11.5 | Patriotisme                 | 32 |
| 1.11.6 | Patuh Syariah               | 33 |
| 1.12   | Kesimpulan                  | 34 |

## BAB 2

## ULASAN KEPUSTAKAAN

|       |                                                  |    |
|-------|--------------------------------------------------|----|
| 2.1   | Pengenalan                                       | 35 |
| 2.2   | Patriotisme Dalam Islam                          | 36 |
| 2.2.1 | Konsep Patriotisme Menurut Islam                 | 36 |
| 2.2.2 | Patriotisme Menurut al-Quran dan al-Hadis        | 37 |
| 2.2.3 | Patriotisme Menerusi Teks Sejarah Melayu Islam   | 52 |
| 2.3   | Konsep Patriotisme                               | 60 |
| 2.3.1 | Patriotisme di Malaysia                          | 61 |
| 2.3.2 | Perbezaan Antara Patriotisme Dengan Nasionalisme | 64 |

|       |                                                                                                                  |     |
|-------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 2.3.3 | Konsep Umum Patriotisme dan Hubungannya dengan Sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan Di Malaysia | 69  |
| 2.4   | Pendidikan Patriotisme                                                                                           | 78  |
| 2.4.1 | Patriotisme Menurut Perspektif Islam                                                                             | 80  |
| 2.4.2 | Patriotisme Menurut Perspektif Barat                                                                             | 83  |
| 2.4.3 | Patriotisme Dalam Pendidikan Di Malaysia                                                                         | 88  |
| 2.4.4 | Patriotisme Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Menengah                                               | 93  |
| 2.4.5 | Kepentingan Penerapan Patriotisme Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Menengah                         | 99  |
| 2.5   | Teori Patriotisme al-Mawardi                                                                                     | 101 |
| 2.6   | Hubungan Pendidikan Islam Dengan Perlembagaan Persekutuan                                                        | 125 |
| 2.6.1 | Penghayatan Maqasid Syariah Dalam Rukun Negara                                                                   | 132 |
| 2.6.2 | Dorongan dan Pelaksanaan Penerapan Patriotisme Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam                             | 140 |
| 2.6.3 | Kekangan Dan Cabaran Pelaksanaan Penerapan Patriotisme Dalam Mata pelajaran Pendidikan Islam                     | 146 |
| 2.7   | Mata Pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Menengah Berasaskan Patriotisme Patuh Syariah (PPS)                      | 150 |
| 2.7.1 | Penambahbaikan Mata Pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Menengah                                                  | 151 |
| 2.7.2 | Penambahbaikan Peranan Guru Pendidikan Islam (GPI) berteraskan Patriotisme Patuh Syariah (PPS)                   | 153 |
| 2.8   | Kajian-Kajian Berkaitan                                                                                          | 155 |

|              |                                                                     |     |
|--------------|---------------------------------------------------------------------|-----|
| 2.8.1        | Kajian Mengenai Amalan Pengajaran Pendidikan Islam Sekolah Menengah | 157 |
| 2.8.2        | Kajian Mengenai Patriotisme Dalam Pendidikan Islam                  | 160 |
| 2.9          | Kesimpulan                                                          | 162 |
| <b>BAB 3</b> | <b>METODOLOGI KAJIAN</b>                                            | 163 |
| 3.1          | Pengenalan                                                          | 163 |
| 3.2          | Paradigma Kajian                                                    | 163 |
| 3.3          | Reka Bentuk Kajian                                                  | 166 |
| 3.3.1        | Pendekatan Kualitatif                                               | 168 |
| 3.3.2        | Kajian Kes                                                          | 169 |
| 3.4          | Lokasi Kajian                                                       | 171 |
| 3.5          | Peserta Kajian                                                      | 174 |
| 3.6          | Prosedur Pengumpulan Data                                           | 179 |
| 3.7          | Kajian Pra Lapangan                                                 | 180 |
| 3.8          | Kaedah Pengumpulan Data                                             | 182 |
| 3.8.1        | Temu Bual                                                           | 184 |
| 3.8.2        | Pemerhatian Pengajaran                                              | 186 |
| 3.8.3        | Analisis Dokumen                                                    | 188 |
| 3.9          | Pentadbiran Kajian Sebenar                                          | 189 |
| 3.10         | Tatacara Penganalisisan Data                                        | 190 |
| 3.10.1       | Penganalisisan Data Awal                                            | 191 |
| 3.10.2       | Peringkat Pengekodan Data                                           | 192 |
| 3.11         | Kesahan dan Kebolehpercayaan                                        | 194 |

|              |                                                                 |     |
|--------------|-----------------------------------------------------------------|-----|
| 3.11.1       | Kesahan Dalam                                                   | 194 |
| 3.11.2       | Kesahan Luaran                                                  | 196 |
| 3.11.3       | Kebolehpercayaan Data                                           | 197 |
| 3.12         | Kesimpulan                                                      | 201 |
| <b>BAB 4</b> | <b>DAPATAN KAJIAN</b>                                           | 202 |
| 4.1          | Pengenalan                                                      | 202 |
| 4.2          | Latar Belakang Peserta Kajian Guru Pendidikan Islam Dan Sekolah | 205 |
| 4.2.1        | Latar belakang Peserta Kajian                                   | 206 |
| 4.2.1.1      | Ustaz Syauqi                                                    | 206 |
| 4.2.1.2      | Ustazah Anis                                                    | 208 |
| 4.2.1.3      | Ustazah Badiah                                                  | 210 |
| 4.2.1.4      | Ustazah Nuha                                                    | 211 |
| 4.2.1.5      | Ustazah Ulyaa                                                   | 212 |
| 4.2.1.6      | Ustazah Wajdiah                                                 | 213 |
| 4.2.1.7      | Ustazah Lutfiah                                                 | 214 |
| 4.2.1.8      | Ustazah Munirah                                                 | 215 |
| 4.2.2        | Latar belakang Sekolah                                          | 215 |
| 4.3          | Kefahaman Guru Pendidikan Islam Tentang Elemen Patriotisme      | 218 |
| 4.3.1        | Cinta                                                           | 219 |
| 4.3.2        | Berpandukan Rukun Negara                                        | 229 |
| 4.3.3        | Kefahaman Agama                                                 | 243 |
| 4.3.4        | Jati Diri Muslim                                                | 248 |

|       |                                                                                     |     |
|-------|-------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 4.3.5 | Ciri Kepimpinan                                                                     | 254 |
| 4.4   | Penerapan Elemen Patriotisme Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam                   | 260 |
| 4.4.1 | Topik-topik Pendidikan Islam                                                        | 262 |
| 4.4.2 | Penerapan Nilai                                                                     | 271 |
| 4.4.3 | Situasi Semasa                                                                      | 278 |
| 4.4.4 | Bahan Bantu Mengajar (BBM)                                                          | 284 |
| 4.4.5 | Kemahiran Pengajaran                                                                | 289 |
| 4.4.6 | Kepimpinan Guru                                                                     | 298 |
| 4.5   | Pandangan Guru Pendidikan Islam Terhadap Penghayatan Elemen Patriotisme Murid Islam | 309 |
| 4.5.1 | Jiwa Bernegara                                                                      | 310 |
| 4.5.2 | Pencapaian                                                                          | 316 |
| 4.5.3 | Sikap Murid                                                                         | 322 |
| 4.6   | Kekangan Penerapan Elemen Patriotisme Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam          | 330 |
| 4.6.1 | Jadual Pengajaran dan Pembelajaran                                                  | 331 |
| 4.6.2 | Sukatan Mata Pelajaran                                                              | 336 |
| 4.6.3 | Kesediaan GPI                                                                       | 344 |
| 4.6.4 | Garis Panduan                                                                       | 353 |
| 4.6.5 | Elemen Merentas Kurikulum (EMK)                                                     | 358 |
| 4.7   | Kepentingan Elemen Patriotisme Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam                | 365 |
| 4.7.1 | Warganegara yang baik                                                               | 366 |
| 4.7.2 | Pembangunan Jati Diri                                                               | 370 |

|       |                                                                       |     |
|-------|-----------------------------------------------------------------------|-----|
| 4.7.3 | Tuntutan Syarak                                                       | 374 |
| 4.7.4 | Peranan GPI                                                           | 378 |
| 4.8   | Elemen Patriotisme Patuh Syariah Bagi Mata Pelajaran Pendidikan Islam | 383 |
| 4.8.1 | Penambahbaikan Kurikulum                                              | 384 |
| 4.8.2 | Panduan Patriotisme Pendidikan Islam                                  | 389 |
| 4.8.3 | Kaedah Penyampaian                                                    | 394 |
| 4.8.4 | Program                                                               | 399 |
| 4.8.5 | Material Pengajaran dan Pembelajaran                                  | 402 |
| 4.9   | Kesimpulan                                                            | 409 |

|              |                                           |     |
|--------------|-------------------------------------------|-----|
| <b>BAB 5</b> | <b>RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN</b> | 410 |
|--------------|-------------------------------------------|-----|

|       |                                                                                     |     |
|-------|-------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 5.1   | Pengenalan                                                                          | 410 |
| 5.2   | Ringkasan Kajian                                                                    | 410 |
| 5.3   | Perbincangan Dapatan Kajian                                                         | 412 |
| 5.3.1 | Kefahaman Guru Pendidikan Islam Tentang Elemen Patriotisme Islam                    | 413 |
| 5.3.2 | Penerapan Elemen Patriotisme Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam                   | 420 |
| 5.3.3 | Pandangan Guru Pendidikan Islam Terhadap Penghayatan Elemen Patriotisme Murid Islam | 438 |
| 5.3.4 | Kekangan Penerapan Elemen Patriotisme Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam          | 450 |
| 5.3.5 | Kepentingan Penerapan Elemen Patriotisme Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam      | 461 |
| 5.3.6 | Elemen Patriotisme Patuh Syariah Bagi Mata Pelajaran Pendidikan Islam               | 466 |
| 5.4   | Rumusan Kajian                                                                      | 478 |



|       |                                         |     |
|-------|-----------------------------------------|-----|
| 5.5   | Implikasi dan Cadangan                  | 486 |
| 5.5.1 | Implikasi kepada teori                  | 486 |
| 5.5.2 | Implikasi kepada polisi                 | 489 |
| 5.5.3 | Implikasi kepada pihak sekolah          | 493 |
| 5.5.4 | Implikasi terhadap guru                 | 496 |
| 5.6   | Sumbangan Kajian                        | 499 |
| 5.6.1 | Sumbangan terhadap bidang keilmuan      | 499 |
| 5.6.2 | Sumbangan dari segi bukti empirikal     | 499 |
| 5.6.3 | Penemuan ciri baru dalam dapatan kajian | 501 |
| 5.7   | Cadangan Kajian Lanjut                  | 507 |
| 5.8   | Penutup                                 | 509 |

**RUJUKAN****LAMPIRAN**

## SENARAI JADUAL

| No. Jadual |                                                                                                        | Muka Surat |
|------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| 1.1        | Hubungan Objektif dan Soalan Kajian                                                                    | 22         |
| 3.1        | Tahap persetujuan pakar dan purata keseluruhan nilai Kappa                                             | 198        |
| 3.2        | Skala interpretasi nilai Kappa                                                                         | 199        |
| 4.1        | Latar belakang pendidikan dan pengalaman mengajar peserta kajian                                       | 204        |
| 4.2        | Demografi peserta kajian                                                                               | 205        |
| 4.3        | Kedudukan sekolah dan jenis sekolah                                                                    | 205        |
| 4.4        | Senarai tema 1 iaitu Cinta bagi kefahaman patriotisme dalam kalangan GPI                               | 227        |
| 4.5        | Senarai tema 2 iaitu Berpandukan Rukun Negara bagi kefahaman patriotisme dalam kalangan GPI            | 241        |
| 4.6        | Senarai tema 3 iaitu Kefahaman Agama bagi kefahaman patriotisme dalam kalangan GPI                     | 247        |
| 4.7        | Senarai tema 4 iaitu Jati Diri Muslim bagi kefahaman patriotisme dalam kalangan GPI                    | 252        |
| 4.8        | Senarai tema 5 iaitu Ciri Kepimpinan bagi kefahaman patriotisme dalam kalangan GPI                     | 257        |
| 4.9        | Senarai Nama Tema Kefahaman Patriotisme Dalam Kalangan GPI                                             | 258        |
| 4.10       | Senarai tema 1 iaitu Topik-topik Pendidikan Islam bagi penerapan elemen patriotisme dalam kalangan GPI | 270        |

|      |                                                                                           |     |
|------|-------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 4.11 | Senarai tema 2 Penerapan Nilai bagi penerapan elemen patriotisme dalam kalangan GPI       | 277 |
| 4.12 | Senarai tema 3 Situasi Semasa bagi penerapan elemen patriotisme dalam kalangan GPI        | 282 |
| 4.13 | Senarai tema 4 iaitu BBM bagi penerapan elemen patriotisme dalam kalangan GPI             | 288 |
| 4.14 | Senarai tema 5 Kemahiran Pengajaran bagi penerapan elemen patriotisme dalam kalangan GPI  | 297 |
| 4.15 | Senarai tema 6 iaitu Kepimpinan Guru bagi penerapan elemen patriotisme dalam kalangan GPI | 304 |
| 4.16 | Senarai Tema Penerapan Elemen Patriotisme Dalam Kalangan GPI                              | 305 |
| 4.17 | Senarai tema 1 Jiwa Bernegara bagi penghayatan elemen patriotisme murid Islam             | 314 |
| 4.18 | Senarai tema 2 Pencapaian bagi penghayatan elemen patriotisme murid Islam                 | 321 |
| 4.19 | Senarai tema 3 Sikap Murid bagi Penghayatan Elemen Patriotisme Murid Islam                | 327 |
| 4.20 | Senarai tema 3 Penghayatan Elemen Patriotisme Murid Islam                                 | 328 |
| 4.21 | Senarai tema 1 Pengajaran dan Pembelajaran                                                | 335 |
| 4.22 | Senarai tema 2 Sukatan Mata Pelajaran                                                     | 342 |
| 4.23 | Senarai tema 3 Kesediaan GPI                                                              | 352 |
| 4.24 | Senarai tema 4 Garis Panduan                                                              | 356 |
| 4.25 | Senarai tema 5 Elemen Merentas Kurikulum (EMK)                                            | 361 |
| 4.26 | Senarai Tema, Sub Tema dan Sub Sub Tema Kekangan Penerapan Elemen Patriotisme             | 362 |
| 4.27 | Senarai tema 1 Warganegara Yang Baik                                                      | 369 |
| 4.28 | Senarai tema 2 Pembangunan Jati Diri                                                      | 373 |

|      |                                                                                     |     |
|------|-------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 4.29 | Senarai tema 3 Tuntutan Syarak                                                      | 376 |
| 4.30 | Senarai tema 4 Peranan GPI                                                          | 380 |
| 4.31 | Senarai tema 5 Kepentingan Elemen Patriotisme Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam | 381 |
| 4.32 | Senarai tema 1 Penambahbaikan Kurikulum                                             | 387 |
| 4.33 | Senarai tema 2 Panduan Patriotisme Pendidikan Islam                                 | 392 |
| 4.34 | Senarai tema 3 Kaedah Penyampaian                                                   | 398 |
| 4.35 | Senarai tema 4 Program                                                              | 401 |
| 4.36 | Senarai tema 5 Pengajaran                                                           | 406 |
| 4.37 | Senarai Tema Elemen Patriotisme Patuh Syariah Bagi Mata Pelajaran Pendidikan Islam  | 407 |

## SENARAI RAJAH

| No. Rajah |                                                                                                                                                                                                                                                                                                              | Muka Surat |
|-----------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| 1.1       | Kerangka Teori Kajian Elemen Patriotisme Patuh Syariah Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Menengah berteraskan pemikiran al-Mawardi (adaptasi daripada Al-Ahkam Al-Sultaniyyah Wa Al-Wilayaat Al-Diniyyah, Al-Māwardi, Ali bin Muhammad (450H). 2006. Cetakan pertama. Al-Qahirah: Dar Al-Hadīth) | 23         |
| 1.2       | Kerangka Konseptual Kajian Elemen Patriotisme Patuh Syariah Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Menengah (adaptasi daripada Kerangka Teori Patriotisme Al-Mawardi menerusi kitab Al-Ahkam Al-Sultaniyyah Wa Al-Wilayaat Al-Diniyyah, Al-Māwardi, 2006.                                             | 25         |
| 3.1       | Metodologi Kajian Sumber: Creswell (2013); Marshall & Rossman (1999); Merriam (2009); Strauss & Corbin (1998); Yin (2003)                                                                                                                                                                                    | 167        |
| 3.2       | Hubungan Fasa dengan Kaedah Pengumpulan Data Kajian                                                                                                                                                                                                                                                          | 182        |
| 3.3       | Prosedur meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan data                                                                                                                                                                                                                                                      | 199        |
| 4.1       | Kefahaman GPI Tentang Patriotisme                                                                                                                                                                                                                                                                            | 218        |
| 4.2       | Tema Penerapan Elemen Patriotisme Dalam Kalangan GPI                                                                                                                                                                                                                                                         | 261        |
| 4.3       | Penghayatan Elemen Patriotisme Murid Islam                                                                                                                                                                                                                                                                   | 309        |
| 4.4       | Kekangan Penerapan Elemen Patriotisme Dalam Kalangan GPI                                                                                                                                                                                                                                                     | 330        |
| 4.5       | Kepentingan Penerapan Elemen Patriotisme Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam                                                                                                                                                                                                                               | 365        |
| 4.6       | Elemen Patriotisme Patuh Syariah Bagi Mata Pelajaran Pendidikan Islam                                                                                                                                                                                                                                        | 383        |

|     |                                                                       |     |
|-----|-----------------------------------------------------------------------|-----|
| 5.1 | Elemen Patriotisme Patuh Syariah (PPS)                                | 488 |
| 5.2 | Ciri Baru Dalam Kefahaman Patriotisme                                 | 500 |
| 5.3 | Ciri Baru Kemahiran Pengajaran Penerapan Elemen Patriotisme           | 502 |
| 5.4 | Penghayatan Elemen Patriotisme Murid Islam                            | 503 |
| 5.5 | Kekangan Penerapan Elemen Patriotisme                                 | 504 |
| 5.6 | Kepentingan Penerapan Elemen Patriotisme                              | 504 |
| 5.7 | Elemen Patriotisme Patuh Syariah Bagi Mata Pelajaran Pendidikan Islam | 505 |

## SENARAI SINGKATAN

|       |                                                  |
|-------|--------------------------------------------------|
| AJK   | Ahli Jawatankuasa                                |
| APC   | Anugerah Perkhidmatan Cemerlang                  |
| BBM   | Bahan Bantu Mengajar                             |
| BPG   | Bahagian Pendidikan Guru                         |
| DSKP  | Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran       |
| EMK   | Elemen Merentas Kurikulum                        |
| FPI   | Falsafah Pendidikan Islam                        |
| FPK   | Falsafah Pendidikan Kebangsaan                   |
| GPI   | Guru Pendidikan Islam                            |
| IPG   | Institut Pendidikan Guru                         |
| JAKIM | Jabatan Kemajuan Islam Malaysia                  |
| JPN   | Jabatan Pendidikan Negeri                        |
| JPWPP | Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya |
| KBAT  | Kemahiran berfikir aras tinggi                   |
| KBKK  | Kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif     |
| KBSM  | Kurikulum Baru Sekolah Menengah                  |
| KPM   | Kementerian Pendidikan Malaysia                  |
| KSSM  | Kurikulum Standard Sekolah Menengah              |

KSSR Kurikulum Standard Sekolah Rendah

LP Laporan pemerhatian

NL Nota lapangan

P Pemerhatian

PAK21 Pendidikan Abad Ke-21

PdP Pengajaran dan Pembelajaran

PDRM PolisDiRaja Malaysia

PI Pendidikan Islam

PLC Professional Learning Community

PPS Patriotisme Patuh Syariah

PS Pendidikan Sivik

PT3 Pentaksiran Tingkatan 3

S Sekolah

SBP Sekolah Berasrama Penuh

SK Sekolah Kebangsaan

SMA Sekolah Menengah Agama

SMK Sekolah Menengah Kebangsaan

SMKA Sekolah Menengah Kebangsaan Agama

SPM Sijil Pelajaran Malaysia

TB Temu bual

U Ustaz/Ustazah



## SENARAI LAMPIRAN

- A Protokol Temu Bual
- B Inventori Pemerhatian
- C Surat Kebenaran EPRD
- D Surat Kebenaran Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya
- E Contoh Surat Permohonan Kebenaran daripada Peserta Kajian dan Borang Persetujuan
- F Contoh Transkrip Temu Bual
- G Contoh Pengesahan Transkrip Temu Bual Oleh Peserta Kajian
- H Contoh Penilaian Interater untuk Cohen Kappa
- I Contoh Surat Lantikan Pakar (Interater) Cohen Kappa



## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Bahagian ini memaparkan gambaran menyeluruh mengenai kajian yang dijalankan. Antara yang dibincangkan pada bahagian ini ialah berkenaan latar belakang kajian, permasalahan kajian, tujuan kajian, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, kerangka teori kajian, kerangka konseptual kajian, batasan kajian dan definisi operasi kajian.

Pendidikan Islam merupakan tunjang utama kepada pembangunan sesebuah negara khususnya jika disorot menerusi aspek pembentukan modal insan yang berkualiti (Asmawati Suhid & Fathiyah Mohd Fakhruddin, 2012; Noor Hisham, 2014). Dalam usaha untuk menjulang imej dan kualiti hidup generasi muda, pembangunan murid dari pelbagai aspek khususnya memperkasakan akhlak dan jati diri mereka seharusnya menjadi agenda utama negara. Pendidikan Islam yang bersumberkan al-Quran dan Hadis menuntut kepada perubahan rohani dan akhlak (Mohd Yusof 2002;



Fathiyah & Asmawati 2011). Dalam masa yang sama, Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) jelas menekankan pendidikan bersepadu termasuk mendidik akhlak yang selari dengan matlamat Pendidikan Islam (Abdul Hafiz, Zakaria & Ahmad 2012; Nur Hafizoh & Rohana 2013).

Patriotisme merupakan hasil kekuatan jati diri murid dan kejituan akhlak mereka yang dididik menerusi proses pengajaran dan pembelajaran dalam Pendidikan Islam yang diaspirasikan menerusi FPK yang digubal bagi memberi panduan atau arah bimbing untuk menentukan haluan, asas dan inspirasi kepada semua usaha dan rancangan dalam bidang pendidikan yang menjamin pembangunan sesebuah negara. Sejajar dengan pernyataan kukuh aspirasi FPK ini, maka matlamat yang dihasratkan daripada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM 2013) telah mengisytiharkan keperluan kepada beberapa perubahan dalam kurikulum, pentaksiran, pendidikan perguruan, penggunaan strategi pengajaran pembelajaran dan pentadbiran sekolah (Khair 2014).

Falsafah Pendidikan Islam (FPI) mendokong matlamatnya dengan aspirasi gabung jalin di antara proses pembinaan individu masyarakat secara holistik dengan penghayatan cara hidup Islam yang bertunjangan al-Quran dan al-Sunnah. Menurut al-Qaradhawi (1997) pendidikan Islam ialah pendidikan manusia seutuhnya, akal dan hatinya, rohani dan jasmaninya, akhlak dan keterampilannya. Penekanan objektif menerusi proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berselari dengan FPK dalam membina potensi pelajar yang seimbang dari sudut spiritual, fizikal, intelek, emosi dan sosial demi mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat. FPI memberi penekanan terhadap penerusan usaha dalam menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Pendidikan Islam adalah satu usaha



bersepadu dalam menyampaikan ilmu bagi membentuk diri, mengasuh peribadi, membina kemahiran diri dan menjadi contoh tauladan cara hidup Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah (Noriah Ismail, Intan Safinas, Mohd Ariff Albakri, Normah Ismail, Supyan Hussin 2014).

Pada dasarnya, falsafah pendidikan dalam Islam ialah usaha mengembangkan potensi individu melibatkan semua domain kemanusiaan secara seimbang dan menyeluruh bagi mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat (Muhammad Qutb 1993;2002). Antara matlamat utamanya ialah untuk melahirkan manusia yang mampu memenuhi tujuan penciptaannya (Ashraf 1988). Selain itu semua pihak juga perlu memainkan peranan penting dalam pembentukan jati diri cemerlang di masa hadapan agar isu keruntuhan akhlak dan masalah sosial dalam kalangan remaja atau pelajar dapat dielak serta dikurangkan.

Guru Pendidikan Islam (GPI) begitu signifikan dalam sistem pendidikan negara. Husin Sarju et. al (2010), berpendapat amatlah wajar matlamat dan fungsi pendidikan Islam ditinjau kesannya khususnya dalam sistem pendidikan di Malaysia bagi membendung masalah sosial yang melibatkan pelbagai aspek dalam kalangan remaja muslim di Malaysia. Hamidah Sulaiman & et. al (2013) mengatakan bahawa kecerdasan rohani dan emosi individu sangat berkait rapat dengan kejayaan mengawal minda dan tingkah laku dalam acuan al-Quran dan al-Sunnah. Oleh yang demikian, pendidikan Islam yang kukuh yang menekankan konsep tauhid dan mengesakan Allah SWT mampu membentuk akhlak pelajar Muslim yang komited terhadap tuntutan agama. Kajian oleh Sagaf S. Pettalongi (2013) Islam dengan penganut yang ramai dan majoriti memiliki sumbangan yang besar dalam mencegah terjadinya konflik sosial kerana Islam merupakan agama perdamaian. Manakala Yaakob (2004) mengatakan



para sarjana dan ahli fikir turut mengakui pentingnya nilai pendidikan Islam di dalam membina keluhuran peribadi dan tamadun manusia.

Menurut Moh Rogib (2009) pendidikan Islam menekankan tiga perkara penting iaitu: (i) Keupayaan pendidikan dengan menggunakan manhaj dan tatacara tertentu, khususnya latihan membentuk disiplin (ii) Bahan dan sumber pendidikan yang dapat membentuk sikap dan perspektif yang berlandaskan etika Islam (iii) Tujuan pendidikan adalah melahirkan insan yang rasional dan berbudi demi merealisasikan kesejahteraan masyarakat. Patriotisme akan membangkitkan rasa bersama pada diri setiap warganegara untuk bersekutu, membina dan berpadu kepada negara. Syed Naquib al-Attas (2014) menegaskan bahawa empat pancang disiplin utama yang membentuk perpaduan dan kebersamaan patriotisme atau cinta negara ialah menerusi disiplin agama, pengalaman sejarah, bangsa dan bahasa.



Patriotisme atau cinta negara merupakan suatu pendidikan anjuran dan gesaan Islam yang mampu merealisasikan kesejahteraan masyarakat menerusi landasan pendidikan. Menurut Muhammad Zainiy (2015) menerusi jiwa patriotsime berteraskan agama, setiap warganegara akan berasa aman, dihormati dan bahagia kerana mereka ada tempat bagi mereka untuk mencurahkan rasa kasih dan semangat setia negara. Kekukuhan patriotisme merupakan hasil kekuatan kefahaman GPI terkait jati diri muslim dan kejituan akhlak yang dididik menerusi proses pengajaran dan pembelajaran dalam Pendidikan Islam. Patriotisme ialah semangat kebangsaan yang positif yang dipupuk oleh Islam itu sendiri. Semangat patriotisme berteraskan agama memainkan peranan yang sangat penting kepada peradaban, kesatuan kelangsungan sesuatu kuasa bangsa. Ini bertepatan dengan teori asabiyyah yang diperkenalkan oleh Ibnu Khaldun



sebagai semangat yang menyatukan hubungan berteraskan patriotisme (Muhammad Zainiy, 2012).

Sehubungan itu, rumusan awal oleh pengkaji ialah, proses pemerkasaan patriotisme menerusi pendidikan Islam bukan sahaja berselari dengan aspirasi FPI dan kehendak pendidikan itu sendiri. Ia sebenarnya merupakan aktiviti gabung jalin dan keserasian kesemua aspek kritikal dan penting dalam pentafsiran tujuan pendidikan itu sendiri.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Islam adalah peneraju dan pencetus kepada patriotisme. Kepercayaan kepada Tuhan yang menjuarai senarai teratas dalam pancang Rukun Negara jelas mengisyaratkan kepentingan agama dalam memastikan masyarakat dan rakyat berada di landasan ilmu dan amalan patriotisme sepanjang masa. Patriotisme menurut Pendidikan Islam adalah diwakili oleh pengetahuan dan amalan insan dalam mencintai, menghormati, mengakuri dan mentaati peraturan dan kepimpinan, norma dan kesesuaian yang berasaskan sumber dalil naqli dan aqli. Sewajar dan selayaknya, Guru Pendidikan Islam di peringkat sekolah menengah menjadi landasan, sandaran malah rujukan kepada pelajar Islam khususnya, serta masyarakat Islam amnya dalam mencerakinkan jati diri berteraskan patriotisme patuh syariah (PPS) ke pentas amalan. Tujuan pendidikan Islam adalah identikal dengan tujuan Islam itu sendiri (Jalaluddin, 2003). Selain itu, ia juga bertitik tolak daripada cabaran dan keperluan semasa yang sistem pendidikan negara kita perlu hadapi untuk melengkapkan murid bagi



menghadapi cabaran abad ke-21. Kekuatan dan kelemahan sesuatu bangsa dan negara amat bergantung kepada golongan muda yang merupakan tonggak dan pewaris kesinambungan pembangunan dan kesejahteraan negara.

Patriotisme bersumberkan perspektif Islam juga jelas dilihat dalam al-Quran dan al-Hadis. Menurut Mohd Nor (2017) dalam konteks Islam, masyarakat haruslah memahami bahawa elemen nilai banyak diungkapkan dalam al-Quran dan al-Hadis. Konsep patriotisme diertikan sebagai cinta kepada tanah air (Berns, 1997; Huntington, 2008; Kleinig, 2015). Maksud patriotisme adalah tekad dan tiada perubahan. Menurut Khoo (2005) yang akan mengalami perubahan ialah cara dan bentuk sifat patriotik itu dilaksanakan mengikut keperluan dan kedudukan situasi, lokasi dan sebagainya. Golongan muda yang cemerlang dalam akademik, kemahiran, sahsiah dan jati diri amat diperlukan untuk menyumbang secara positif kepada kecemerlangan masa depan negara (Fauziah, 2009). Menurut Jalaluddin (2015) sesebuah bangsa itu terbentuk kerana adanya unsur-unsur dan akar-akar sejarah yang membentuknya. Oleh itu, cinta dan kesetiaan tertinggi seorang manusia untuk bangsa dan negara disebut dengan cinta tanah air atau patriotisme.

Patriotisme membawa erti jati diri dalam bentuk kecintaan terhadap ibu pertiwi (Muhamad Ali Embi, 2009). Oleh yang demikian, patriotisme adalah perasaan cinta yang mendalam oleh rakyat terhadap tanah tempat tumpah darahnya. Socrates menterjemahkan negara sebagai suatu jenis unggul yang mesti dihormati, ditaati, dipelihara, diperbaiki dan dimakmurkan (Moh. Kusnardi, 1987). Menurut Samsuri (2011) pendidikan patriotisme dan kewarganegaraan merupakan persiapan kepada generasi muda untuk menjadi warganegara yang memiliki pengetahuan, kecekapan dan





nilai jati diri. Semua ini sememangnya diperlukan untuk berpencak aktif dalam masyarakat.

Patriotisme merupakan jiwa dan semangat cinta tanah air yang melengkapi kewujudan nasionalisme (Bakry, 2010). Menurut Davidoff (2011) dalam apa jua keadaan, patriotisme mempunyai kaitan jelas dengan kepercayaan, tingkah laku rakyat, gaya kepimpinan dan nilai. Menurut Habibah Elias dan Noran Fauziah Yaakub (2002) jati diri bagi seseorang insan telah pudar atau hilang sekiranya jiwanya tidak terdorong atau tergerak dengan perasaan cinta terhadap watannya. Patriotisme kebiasaannya membawa individu pengamalannya untuk mematrikan ikatan spiritual dengan negara. Syahri (2013) menyatakan patriotisme adalah semangat cinta tanah air atau sikap seseorang yang rela mengorbankan segala-galanya untuk kejayaan dan kemakmuran tanah airnya.



Kepercayaan adalah dorongan yang paling kuat dalam merubah diri insan. Kepercayaan dinamakan aqidah dan amalan yang berakar umbi daripadanya diistilahkan sebagai ibadah. Kepercayaan amat berperanan dalam pentadbiran negara. Ketika Sayyidina Abu Bakar al-Siddiq RA dilantik selaku khalifah pertama, ucapan penegasannya ketika penerimaan jawatan itu ialah; “Jika aku berbuat baik, maka tolonglah aku, dan jika aku berbuat buruk maka perbetulkanlah aku” (Jabir Qamayhah, 1984). Menurut Negedu dan Atabor (2015), patriotisme mendorong warganegara untuk mencapai sesuatu matlamat dengan pencapaian, kecemerlangan dan amalan bersandarkan keyakinan yang jelas.

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Pendidikan Islam digubal bagi memastikan keperluan pembinaan dan pembentukan keperibadian muslim yang





mengetahui, memahami, mempraktikkan serta menghayati Islam secara menyeluruh (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Ia mengambil pendekatan memasak ilmu menerusi penekanan kepada aspek ilmu, amali, amalan, penghayatan dan pembudayaan. Menerusi mata pelajaran ini, murid didedahkan dengan pengetahuan asas terkait al-Quran, al-Hadis, Akidah, Fiqah, Sirah, Tamadun Islam dan Akhlak. Murid bukan sahaja dibekalkan dengan ilmu pengetahuan, malah mereka dipandu bimbing untuk melestarikan praktikaliti serta cara menghayati ilmu yang dipelajari. Murid turut dibimbing untuk berkemampuan membina dan memperlengkapkan diri mereka serta masyarakat sekeliling berasaskan al-Quran dan al-Sunnah. Pelbagai kemahiran turut dititip dan diserasikan bersama sukatan sedia ada yang dimasukkan secara eksplisit dalam dokumen kurikulum Pendidikan Islam (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). KSSM Pendidikan Islam ini juga digubal dengan sasaran untuk melahirkan murid yang berkemampuan dalam mengintegrasikan keselarian dan sinergi tuntutan fardu ain dan fardu kifayah dalam melunaskan tanggungjawab sebagai khalifah Allah SWT. Demi memastikan hasrat tinggi ini tercapai, proses PdP perlulah disedia, dirancang, disusun, diperbaiki, ditambah baik, diperkemaskan dan seterusnya dilaksanakan dengan berkesan.

Pelbagai pendekatan telah diperkenalkan dalam melahirkan modal insan yang bijak, kreatif dan inovatif untuk memenuhi cabaran abad ke-21 supaya negara dapat bersaing di pentas dunia (Othman & Kassim, 2017; Lasiun, 2016). KSSM Pendidikan Islam diharapkan akan berupaya menjadi wadah kepada pembentukan modal insan yang memahami, mengamalkan dan menghayati Islam secara menyeluruh, beristiqamah dan menjadi contoh serta ikutan kepada mata pelajaran lain khususnya dan dunia pendidikan amnya.



Patriotisme Patuh Syariah (PPS) merupakan salah satu bidang keberhasilan daripada pendidikan Islam. Pendidikan itu membentuk manusia menjadi baik (Haron Din, 1997). Syariah Islam bercirikan amalan menyuruh kepada yang baik dan mencegah daripada yang buruk. Pendidikan dalam Islam merangkumi seluruh kehidupan manusia dari segi akidah, syariah, ibadah, syiar, syariat dan lain-lain (Sa'id Hawwa, 1997).

Menerusi pancang kenegaraan dan patriotisme, di antara tanggungjawab pemimpin ialah memelihara keamanan dan mendaulkan undang-undang dalam negara. Keamanan dari segi sosial juga adalah tanggungjawab pemimpin kerana ia termasuk dalam kategori masalah utama negara. Sepatutnya seseorang raja mestilah menjaga rakyatnya seperti menjaga anak-anaknya sendiri (Wahbah al-Zuhaili, 1989).

Masyarakat berperanan untuk berusaha bersama-sama pemimpin bagi menangani masalah sosial yang merosakkan golongan remaja selaku kekuatan modal insan yang dapat membangunkan negara pada masa hadapan (Siti Fatimah Abdul Rahman, 1994). Nilai-nilai patuh syariah seperti saling mengambil berat, berkasih sayang, saling kenal mengenali dan sebagainya merupakan nilai yang amat digalakkan dalam Islam. Islam amat menganjurkan nilai-nilai ini demi perpaduan sesama manusia, walau apa pun latar belakang agama dan bangsanya.

Elemen patuh syariah semakin mendapat perhatian utama di Malaysia. Ini dibuktikan menerusi Indeks Patuh Syariah Malaysia yang telah diumumkan pada 10 Februari 2016 bertujuan untuk membina dan melaksanakan satu kaedah pengukuran yang saintifik dan menyeluruh bagi menentu ukur kedudukan kerajaan dalam menjalankan pentadbiran negara berdasarkan prinsip asas Islam iaitu Maqasid Syariah (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2015). Pemeliharaan agama, nyawa, akal,



keturunan dan harta merupakan lima elemen utama dalam Maqasid Syariah yang juga menjadi penanda aras utama untuk mengukur lapan bidang utama pentadbiran negara. Lapan bidang tersebut ialah perundangan Islam, politik, ekonomi, pendidikan, kesihatan, budaya, prasarana dan persekitaran serta sosial.

Asas-asas utama dalam pembinaan Indeks Syariah Malaysia ialah, (1) memaju, menyubur dan memperkasakan Islam sebagai agama Persekutuan, (2) Mewujudkan sebuah indikator komprehensif dan saintifik bagi menilai komitmen serta tahap keseriusan usaha dan bukannya semata-mata tahap pencapaian dalam menterjemahkan prinsip dan nilai Islam, (3) menggubal indeks untuk mengukur tahap keseriusan dalam mengimarahkan prinsip, nilai dan sistem Islam berdasarkan Maqasid Syariah dengan mencakupi komposisi sektoral yang komprehensif, dan (4) membentuk Malaysia sebagai model sebuah negara Islam yang membangun dan progresif dengan bertunjangan prinsip Maqasid As-Syariah (Zamri et al, 2016).

Menurut Hashim Yahya (2002), Indeks Patuh Syariah Malaysia merupakan satu kaedah pengukuran saintifik yang menepati dua fungsi penting iaitu (1) menilai keseriusan dalam menepati piawaian Islam berkaitan dasar dan program kerajaan, (2) mengenal pasti ruang-ruang pembaikan yang perlu diberi fokus oleh kerajaan agar rakyat dalam menerima lebih banyak manfaat, hasil dari penerapan nilai-nilai sejagat dalam Islam. Kriteria patuh syariah distrukturkan berdasarkan kepada dua sumber iaitu sumber utama iaitu al-Quran dan al-Hadis, serta sumber sokongan Ijmak, Qiyas, Maslahah, Istihsan, Sadd Zari'ah, 'Urf, Maqasid Syariah, Siyasah Syar'iiyyah, Ta'wil, Istiqra' dan Talfiq serta manhaj penyelidikan yang merangkumi pembangunan, pengembangan dan pengukuran parameter indeks (Mohd Yahya Mohd Hussin & Joni Tamkin Borhan, 2009).



Syariah pula didefinisikan sebagai perundangan Islam. Syariah bererti undang-undang yang bersifat praktikal (Muhammad Rashid Redha, 1967), merujuk kepada segala hukum-hakam yang disyariatkan oleh Allah SWT kepada hambanya untuk diikuti berasaskan dalil-dalil utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah (Hasbi Ashidqi, tt) serta merupakan undang-undang, aturan-aturan dan ketetapan-ketetapan Allah SWT yang diperuntukkan kepada manusia bagi mencapai kesejahteraan kehidupan abadi di akhirat (Jafril Khalil, 1999). Syariah adalah perintah Allah SWT yang disampaikan melalui al-Quran dan al-Sunnah untuk semua urusan hidup manusia. Maqasid Syariah pula adalah objektif utama syariah iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta untuk kebajikan manusia (Al-Raysuni, 1991; Mohammad Hashim Kamali, 2012). Ia merangkumi seluruh aspek kehidupan yang mencakupi aspek pendidikan dan kekeluargaan yang mana ia adalah kerangka lengkap untuk pembangunan negara Islam (Umer Chapra, 2008).

Salah satu daripada lapan bidang utama patuh syariah menerusi Indeks Syariah Malaysia ialah pendidikan. Menerusi bidang pendidikan ini, terdapat lima tunjang yang perlu dibangun dan diperkasakan iaitu, (1) pemerksaan sistem pendidikan Islam, (2) pemerksaan modal insan sebagai penggerak utama, (3) pembentuk muslim professional, (4) penggiatan usaha menjadi negara sebagai hab Pendidikan, dan (5) perwujudan rangkaian pemikir dan pakar (Zamri et al, 2016). Pemerksaan sistem pendidikan Islam dan pemerksaan modal insan menzahirkan keselarasan, keselarian dan kesesuaian yang tinggi untuk diwakili dan diteraju menerusi pendidikan Islam di peringkat sekolah. Pengukuran patuh syariah terhadap patriotisme Islam perlu dilaksanakan sejajar dengan salah satu bidang tumpuan utama dalam pentadbiran

negara iaitu pendidikan dan perundangan Islam. Elemen pengukuran baru ini boleh dinamakan sebagai Patriotisme Patuh Syariah (PPS).

Keistimewaan Malaysia sebagai sebuah negara yang unik adalah berasaskan faktor sejarahnya dalam era dunia moden. Bersandarkan reputasi selaku negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan, Malaysia telah membuktikan kepada dunia bahawa kepelbagaian kaum, bangsa, agama, budaya dan keturunan bukanlah penghalang kepada pembentukan jati diri rakyatnya, khususnya dalam menyuburkan patriotisme. Malaysia adalah sebuah negara Islam yang mengamalkan sistem raja berperlembagaan yang paling lama menikmati kestabilan dan kemakmuran (Wan Mohd Nor et al., 2010).

Menurut Tatiana Denisova (2015) (Dalam Muhammad Zainiy Uthman, 2015), semangat patriotisme Melayu tidaklah bertentangan dengan agama Islam, bahkan patriotisme yang dibuktikan adalah sememangnya bersandarkan kepada ajaran Islam. Sifat kebudayaan yang terdapat di negara ini semakin terserlah positif dengan adanya pertalian mesra antara Islam yang menganjurkan persaudaraan dengan cara hidup orang Melayu. Hal ini amat perlu diterjemahkan aplikasinya dalam Pendidikan Islam. Pendidikan memainkan peranan utama dan kritikal dalam pembentukan jati diri bangsa dan pemupukan semangat patriotisme. Peranan dan sahsiah murid akan menjamin kejayaan mereka sebagai insan berpendidikan (Wan Mohd Aimran, 2015). Noor Mohamad Shakil (2014) pula menyatakan kajian berkaitan indeks patriotisme pernah dilaksanakan oleh Biro Tatanegara (BTN) pada tahun 2014 yang membabitkan 1,200 responden dalam kalangan penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta yang mendapati Indeks Patriotisme Negara ini dalam kalangan penuntut berada pada



skor rendah iaitu pada purata 3.8. Ia memberi gambaran awal bahawa generasi muda masa kini memiliki tahap patriotisme yang mengecewakan.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Kecetekkan ilmu berkaitan patriotisme menyumbang kepada kelemahan jati diri murid. Fenomena kelemahan jati diri ini merupakan salah satu daripada ancaman besar kepada sumber tenaga manusia malah boleh merugikan negara dalam jangka masa panjang kerana terpaksa mendepani cabaran dalam modal insan yang berkualiti. Kefahaman terhadap agenda patriotisme seharusnya menjadi keutamaan bagi sesebuah negara (Zaheruddin Othman & Zawiyah, 2016). Walaupun pelbagai pendekatan dilaksanakan di peringkat sekolah selama ini, tahap patriotisme murid Islam belum mencapai tahap yang membanggakan.

Menurut Hussein Haji Ahmad & Haneza Ab. Hamid (2015) menerusi konteks pendidikan, semangat patriotisme di kalangan generasi muda Malaysia diukur melalui dua dimensi iaitu semangat patriotisme senegara Malaysia bertatahkan prinsip Rukun Negara dan semangat patriotisme sebangsa Malaysia. Ahmad Mohd Salleh (2008) menegaskan bahawa Islam sebagai elemen pendidikan di kedudukan yang paling utama dan penting. GPI dan murid Islam seharusnya memiliki kefahaman patriotisme yang utuh dan diberi pendedahan sejak peringkat awal berkaitan kesetiaan kepada raja dan negara, perlembagaan, politik, agama dan bangsa.





Masalah yang melanda kebanyakan murid di sekolah dan generasi muda pada masa kini adalah kurang memiliki elemen patriotisme dalam diri sendiri. Patriotisme amat perlu bermula dari sekolah. Kajian-kajian tahap terdahulu berkenaan tahap patriotisme menunjukkan golongan muda masa kini khususnya di sekolah mempunyai semangat patriotisme yang masih rendah (Aziz Ujang et al. 2014; Indeks patriotisme Negara, 2014; Mahat Jamal, 2015). Tanpa elemen patriotisme, GPI tidak berupaya merealisasikan tuntutan pembinaan nilai dan keperibadian. Menurut Toh Puan Rokian et al. (2016), perealisasi sikap yang baik terhadap negara adalah amat penting demi kekuatan dan keselamatan negara daripada sebarang kategori ancaman keselamatan. Kesannya, wujud pelbagai isu yang kurang baik kepada pembinaan sebuah negara yang teguh lagi berdaulat, terutamanya kepada golongan belia atau masyarakat secara amnya.



Pembentukan jati diri adalah memenuhi keperluan aqli, jasmani dan rohani. Sabariah et al. (2008) menjelaskan bahawa pembentukan jati diri akan terus menjadi antara agenda utama program pembangunan negara. Menurut Siddiq (2009), faktor yang paling utama dalam pembinaan jati diri ialah faktor kepercayaan atau agama serta nilai. Namun berdasarkan kajian terdahulu, nilai jati diri berada dalam keadaan yang kurang memuaskan di samping krisis keruntuhan jati diri golongan muda (Mohd Kamal, 2012; Abdul Rahman, Hussein Ahmad, Sufean Hussin, Simin, Mohammed Sani, 2014; Zaizul Ab Rahman, Fauziah Ibrahim dan Nasrudin Subhi (2018), Nasarudin, Tengku Intan Zarina & Sabri, 2018). Kemajuan negara juga adalah bergantung kepada kefahaman patriotisme mereka selaku aset negara yang sangat berharga. Kajian Mohd Kamal (2012) menunjukkan bahawa orang Melayu Islam pada umumnya masih ada agama, nilai dan ilmu tetapi kurang daripada segi didikan yang





menyebabkan amalan dan pelakuan mereka terjejas iaitu tidak dapat diterapkan atau diterjemahkan apa yang diketahui ke dalam bentuk pelakuan dan kehidupan yang sebenar. Dapatan ini turut disokong oleh Nasarudin, Tengku Intan Zarina & Sabri (2018) yang memperlihatkan tahap kefahaman yang rendah. Inilah faktor utama yang melahirkan begitu banyak gejala sosial di kalangan orang melayu Islam, khususnya terkait tanggungjawab terhadap negara.

Kaedah pengajaran dan kualiti GPI menjadi faktor kurangnya penghayatan pelajar dalam Pendidikan Islam (Mohd Anuar Mamat, 2016). Ia menjadi pengukur kepada penterjemahan tahap kefahaman GPI. Kajian oleh Mohamad Faizal dan Mohd Zaki (2014) mendapati antara faktor yang mempengaruhi murid terlibat dengan jenayah sosial ialah faktor kefahaman, kurang perhatian daripada ibu bapa, pegangan agama longgar, pengaruh rakan sebaya dan pengaruh teknologi. Fenomena ini semakin membimbangkan dan perlu diberikan perhatian serius oleh pihak berwajib. Pendidikan di sekolah sememangnya merupakan landasan terbaik untuk memupuk nilai patriotisme dalam diri murid-murid di Malaysia.

Kaedah pengajaran yang efektif berasaskan kefahaman jitu GPI amat penting dalam melahirkan individu yang bertakwa kepada Allah SWT (Mohd Syaubari, 2019). Namun, maklumat bernegara yang disalurkan adalah sangat terhad dan sifatnya ialah beracara, bersempena dan bersituasi. Hasilnya, golongan belia kurang memahami erti kenegaraan, kurang memiliki jati diri kenegaraan, tiada semangat patriotisme dan cetek pengetahuan berkaitan patriotisme dan tanggungjawab bernegara. Menurut Lee Kuok Tiung dan Mohd Safar Hashim (2016), informasi kenegaraan sifatnya bermusim. Ia hanya dilihat dominan hanya ketika terdapatnya aktiviti atau kempen seperti sepanjang bulan kemerdekaan. Secara tidak langsung keadaan ini memberi pengaruh kepada





kecetekkan ilmu pengetahuan berkaitan dengan aspek tersebut. Justeru itu, semangat patriotisme haruslah dipertingkat dari semasa ke semasa dalam kalangan generasi muda.

Kes-kes yang berteraskan keruntuhan jati diri dan patriotisme, khususnya penghinaan terhadap agama Islam dan institusi raja yang merupakan pancang prinsip kenegaraan di negara ini dilihat semakin meningkat saban tahun dengan 929 laporan telah diterima oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi tahun 2019. Selain itu, pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pula telah menerima sekitar 10 ribu aduan berkaitan penghinaan terhadap Islam sehingga kini seperti mempersendakan ajaran Islam dalam media sosial. Gejala ini semakin serius merebak, melarat, malah sudah menjadi lumrah dalam dunia pendidikan (Baharom Mohamad et al., 2008; Khalim Zainal & Wan Zulkifli Wan Hassan, 2009). Pendidik khususnya GPI dilihat memiliki kesukaran menterjemahkan kefahaman berkenaan Islam dan institusi beraja sebagai tonggak utama dalam Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Mempertahankannya adalah bukti patriotisme rakyat. Sehubungan itu, pengkaji meyakini bahawa adalah kritikal untuk dilaksanakan intervensi menerusi elemen patriotisme patuh syariah dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Ismail (2010) menyatakan bahawa keteguhan jati diri dalam soal kenegaraan di kalangan generasi muda adalah berpunca daripada kefahaman yang dangkal berkenaan patriotisme.

Sejauh manakah efektif mata pelajaran Sejarah dalam menyalurkan dan membina karektor murid patriotik? Rozana Abdul Rahim et al (2005) menyatakan bahawa masalah sosial yang berleluasa pada masa kini menunjukkan keruntuhan akhlak dalam diri murid. Manakala akhlak pula lambang kepatuhan tabiat dan kebiasaan (Ab. Halim Tamuri et al, 2010). Pernyataan yang sama turut berselari dengan apa yang





dinyatakan oleh Ahmad Firdaus dan Kamarul Azmi (2013), Mohd Aderi Che Noh, Khadijah Abdul Razak, Ahmad Yunus Kasim (2015), Kamarul Azmi (2016), Norfariza, Husaina Banu (2017) serta Muhammad Khairul Nizam, Eswaran, Sulaiman (2019). Lebih meruncingkan lagi situasi, kajian lepas sebelum ini menunjukkan berlakunya kelemahan dalam pengajaran mata pelajaran Sejarah selaku mata pelajaran sandaran untuk jati diri dan patriotisme murid, khususnya kekurangan mata pelajaran tersebut dalam memimpin murid menggunakan keupayaan menilai dan mentafsir serta kurang kemahiran menyelesaikan konflik (Balakrishnan 2004 & Hamidah et al. 2011) (Dalam Sitti Hasnah, Dr. Mohd Maizan, Dr. Abdul Razaq, 2016).

Sejauh manakah pencapaian jati diri murid sebagai hasil daripada pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam? Sistem pendidikan di Malaysia bertujuan untuk melahirkan generasi muda yang berpengetahuan luas dan berkemahiran tinggi agar mereka mampu menghadapi cabaran di masa akan datang (Musliha, Rohana & Aminudin, 2011). Atas dasar itu, ia dilihat bersejajar dengan polisi kerajaan yang menobatkan pendidikan Islam sebagai mata pelajaran wajib bagi pelajar muslim (Lukman, 2014). Usaha untuk membina jati diri terletak pada sistem dan pengurusan pendidikan di peringkat sekolah menengah untuk membentuk sikap dan nilai patriotisme amat wajar dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah. Menurut Razaq Ahmad et al. (2015) tiga aspek yang dapat menjadikan seseorang sebagai warganegara yang patriotik ialah menerusi sistem pendidikan, pengetahuan tentang Perlembagaan Malaysia dan keprihatinan sebagai masyarakat majmuk.

Dapatan kajian oleh Azrina Sobian (2012) mendapati tahap peranan GPI dan golongan agamawan sebagai agen perubahan masyarakat di negara ini memuaskan tetapi masih boleh dipertingkatkan. Pandangan ini disokong oleh Noornajihan dan Ab.





Halim (2015) yang mendapati GPI masih kurang menyumbang dalam aktiviti kenegaraan dan pembinaan sahsiah golongan muda. Cabaran yang besar dalam profesion perguruan ialah membangunkan generasi bangsa yang memiliki jati diri bernegara (Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid, 2010; Khadijah Abdul Razak & Tengku Norhayati Tengku Othman, 2011; Abu Bakar Nordin, 2013). Hal ini kerana masalah sosial dalam kalangan murid masa kini masih lagi berada dalam statistik yang membimbangkan. Tanggungjawab dan tugas pendidik khususnya GPI merupakan suatu amanah yang berat, besar, dan penting (Saipo Ayub, 2005; Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman, 2008; Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Faridah Che Husain, 2008; Abdull Sukor Shaari, 2010; Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary, 2010; Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri, 2011). Penyediaan dan latihan guru-guru perlu difokuskan kepada melatih GPI yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi yang mampu menjadi model kepada para remaja (Noraini Omar et al, 2016). Kajian ini turut disokong oleh Maziahtusima, Norhasni dan Fathiyah (2017) yang berpendapat bahawa GPI mampu bertindak sebagai agen perubahan dengan membawa perubahan ilmu pengetahuan, sikap dan kemahiran kerana ia sejajar dengan tuntutan al-Quran dan al-Sunnah. Menerusi dapatan kajian para ilmuan di atas, pengkaji akan menjalankan kajian elemen patriotisme berteraskan PPS.

Maklumat berkaitan patriotisme Islam dalam sukatan mata pelajaran pendidikan menengah KSSM amat sedikit dan terhad. Bagaimana mungkin GPI dapat melaksanakan pengajaran berorientasikan peningkatan jati diri berteraskan PPS seandainya peruntukan dapatan itu tiada atau sangat kurang dalam sukatan mata pelajaran? Kajian Lukman (2014) jelas menunjukkan kepentingan kurikulum Pendidikan Islam dalam membentuk akhlak pelajar. Shahidan dan Ying-Leh (2017)



berselari dengan Lukman (2014) bahawa kurikulum Pendidikan Islam adalah amat penting dalam membentuk akhlak dan jati diri pelajar. Pengkaji melihat bahawa penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam berteraskan elemen PPS adalah amat diperlukan.

Kesukaran penerapan elemen patriotisme dalam mata pelajaran Pendidikan Islam memerlukan suntikan penambahbaikan. Melihat kepada kajian-kajian lepas, Sufean Hussin (2002), Simin Ghavifekr (2011), Muhammad Faizal (2011), Halim Ariffin (2013), serta Hussein Ahmad dan Mohammed Sani (2016), bersepakat dan berselari menyatakan bahawa intervensi dan transformasi yang berlaku dalam sistem pendidikan bertujuan mencemerlangkan pembangunan kemanusiaan. Sesuai dengan tuntutan tersebut, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013) dijadikan sebagai agenda pendidikan terbaharu dalam mencorak pendidikan murid selari dengan pendidikan abad ke-21 (PAK21) (Ab. Halim Tamuri dan Nur Hanani Hussin, 2017; Abdul Halim, Dayana Farzeeha, Mahani Mokhtar dan Umar Haiyat, 2017; Ainun Rahmah Ibrahahim, Zamri Mahamod dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad, 2017). Schubungan itu, pengkaji akan melaksanakan kajian elemen patriotisme patuh syariah dalam mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah menengah.

Kajian ini amat penting bagi menjadi langkah pemula kepada pengukuhan dan penambahbaikan mata pelajaran Pendidikan Islam, kecaknaan dan keterampilan GPI serta menyumbang ke arah kemakmuran negara dan kesiapsiagaan masa hadapan menerusi kecemerlangan murid dalam pembinaan jati diri. Ia bakal bermanfaat buat semua pemegang taruh dunia pengurusan Pendidikan terutamanya Kementerian

Pendidikan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi dan pelbagai institusi Pendidikan lain.

#### **1.4 Tujuan Kajian**

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk meneroka kefahaman patriotisme dalam kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI) sekolah menengah, meneroka penerapan elemen patriotisme dalam kalangan GPI, pandangan GPI berkenaan tahap patriotisme murid Islam, kekangan penerapan elemen patriotisme dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, kepentingan elemen patriotisme dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dan penghasilan elemen patriotisme patuh syariah bagi mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah menengah.

#### **1.5 Objektif Kajian**

Berdasarkan kepada tujuan kajian yang dinyatakan di atas, maka objektif kajian ini ialah:

1. Meneroka kefahaman Guru Pendidikan Islam Tentang Elemen Patriotisme Islam
2. Meneroka penerapan elemen patriotisme dalam kalangan Guru Pendidikan Islam

3. Meneliti pandangan Guru Pendidikan Islam terhadap penghayatan elemen patriotisme murid Islam
4. Meneliti kekangan penerapan elemen patriotisme dalam kalangan Guru Pendidikan Islam
5. Meneliti kepentingan penerapan elemen patriotisme dalam mata pelajaran Pendidikan Islam
6. Meneroka elemen patriotisme patuh syariah bagi mata pelajaran Pendidikan Islam

## 1.6 Persoalan Kajian

Bagi mencapai tujuan kajian yang disebutkan, kajian ini dirancang bagi menjawab beberapa persoalan kajian seperti berikut:

1. Bagaimanakah kefahaman Guru Pendidikan Islam tentang elemen patriotisme Islam?
2. Bagaimanakah penerapan elemen patriotisme dalam kalangan Guru Pendidikan Islam?
3. Bagaimanakah pandangan Guru Pendidikan Islam terhadap penghayatan elemen patriotisme murid Islam?
4. Apakah kekangan penerapan elemen patriotisme dalam mata pelajaran Pendidikan Islam?
5. Apakah kepentingan penerapan elemen patriotisme dalam mata pelajaran Pendidikan Islam?

6. Apakah elemen patriotisme patuh syariah bagi mata pelajaran Pendidikan Islam?

Jadual 1.1


*Hubungan Objektif dan Soalan Kajian*

|   | Objektif Kajian                                                                         | Soalan Kajian                                                                                     |
|---|-----------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1 | Meneroka kefahaman Guru Pendidikan Islam Tentang Elemen Patriotisme Islam               | Bagaimanakah kefahaman Guru Pendidikan Islam tentang elemen patriotisme Islam?                    |
| 2 | Meneroka penerapan elemen patriotisme dalam kalangan Guru Pendidikan Islam              | Bagaimanakah penerapan elemen patriotisme dalam kalangan Guru Pendidikan Islam?                   |
| 3 | Meneliti pandangan Guru Pendidikan Islam terhadap penghayatan patriotisme murid Islam   | Bagaimanakah pandangan Guru Pendidikan Islam terhadap penghayatan elemen patriotisme murid Islam? |
| 4 | Meneliti kekangan penerapan elemen patriotisme dalam kalangan Guru Pendidikan Islam     | Apakah kekangan penerapan elemen patriotisme dalam mata pelajaran Pendidikan Islam?               |
| 5 | Meneliti kepentingan penerapan elemen patriotisme dalam mata pelajaran Pendidikan Islam | Apakah kepentingan penerapan elemen patriotisme dalam mata pelajaran Pendidikan Islam?            |
| 6 | Meneroka elemen patriotisme patuh syariah bagi mata pelajaran Pendidikan Islam          | Apakah elemen patriotisme patuh syariah bagi mata pelajaran Pendidikan Islam?                     |

**1.7 Kerangka Teoritikal Kajian**

Menurut Maxwell (2013) fungsi kerangka teori dalam kajian kualitatif bertujuan untuk memaparkan satu sistem konsep, kepercayaan atau jangkaan yang bersifat umum. Perkembangan pembacaan, kajian dapatan dan penemuan berlangsung sepanjang kajian ini. Kerangka ini juga bersifat fleksibel dan terbuka kepada sebarang perubahan, pengukuhan dan penambahbaikan dari semasa ke semasa.

Prinsip umum ini menekankan GPI dalam kefahaman dan penerapan elemen patriotisme menerusi sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Pendidikan Islam iaitu mencintai tanah air, mempertahankan negara, impak apabila diusir dari tanah air, kepentingan akidah dan kepercayaan serta aktiviti keagamaan sebagai penyubur patriotisme dan kepentingan agar dipelihara keamanan tanah air menerusi rasa jiwa bernegara. Kajian ini turut meneliti pandangan GPI terhadap penghayatan elemen patriotisme murid Islam, kekangan-kekangan yang dihadapi dalam penerapan dan kepentingan dan elemen patriotisme patuh syariah. Pengkaji menggunakan teori patriotisme yang bersandarkan pemikiran al-Mawardi yang di adaptasi daripada kitabnya iaitu *Al-Ahkam Al-Sultaniyyah Wa Al-Wilayaat Al-Diniyyah*. Teori ini ditunjangi enam elemen patriotisme iaitu al-Din merujuk kepercayaan kepada Tuhan, al-Imamah dan al-'Adalah merujuk pemimpin berwibawa dan keluhuran perlembagaan, al-'Ilm bermaksud penguasaan ilmu pengetahuan, al-Amn bererti keamanan negara, al-Syaja'ah wa al-Najdah merujuk kedaulatan undang-undang dan al-Iqtisad wa al-Nafs yang berinti pati kemakmuran ekonomi dan kelangsungan hidup.



*Rajah 1.1.* Kerangka Teori Kajian Elemen Patriotisme Patuh Syariah Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Menengah berteraskan pemikiran al-Mawardi (adaptasi daripada *Al-Ahkam Al-Sultaniyyah Wa Al-Wilayaat Al-Diniyyah*, Al-



Māwardi, Ali bin Muhammad (450H). 2006. Cetakan pertama. Al-Qahirah: Dar Al-Hadīth)


## 1.8 Kerangka Konseptual Kajian.

Kerangka konseptual kajian pada asasnya berperanan untuk menggambarkan keseluruhan kajian dengan memaparkan hubungan antara model-model yang digunakan dalam kajian (Miles, Huberman & Saldana 1994). Dalam masa yang sama, ia menjadi prosedur berterusan khususnya dalam pengumpulan maklumat yang disusun atur ke arah pembentukan hubungan antara pemboleh ubah yang diteroka. Menurut Tuckman (1994) dalam Nik Zaharah (2007), model konseptual bermaksud satu set cadangan perkaitan pemboleh ubah khusus, biasanya berurutan daripada input, kepada proses dan seterusnya hasil. Ia bertujuan untuk meramal atau memperoleh hasil yang spesifik. Kerangka konseptual kajian dibina bagi menjelaskan perkaitan antara elemen-elemen yang terlibat dalam kajian berdasarkan konsep-konsep dan teori-teori yang dibincangkan dalam kerangka teori kajian.

Secara prinsipnya, kerangka konseptual kajian ini (rajah 1.2) dibina dengan memberi sorotan fokus kepada penghuraian konsep patriotisme dalam mata pelajaran Pendidikan Islam yang didasari oleh teori patriotisme berteraskan pemikiran al-Mawardi yang diadaptasi daripada kitabnya iaitu Al-Ahkam Al-Sultaniyyah Wa Al-Wilayaat Al-Diniyyah. Ia digabungkan dengan dokumen mata pelajaran Pendidikan Islam KSSM yang diajar di sekolah. Gabungan konsep tersebut menekankan supaya mencintai tanah air, mempertahankan negara, impak apabila diusir dari tanah air, kepentingan aqidah dan kepercayaan serta aktiviti keagamaan sebagai penyubur patriotisme dan kepentingan agar dipelihara keamanan tanah air menerusi rasa jiwa



bernegara. Elemen yang paling utama ialah ketuhanan. Kepercayaan dan keyakinan terhadap Tuhan kepada amat penting dalam kehidupan.



*Rajah 1.2.* Kerangka Konseptual Kajian Elemen Patriotisme Patuh Syariah Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Menengah (adaptasi daripada Kerangka Teori Patriotisme Al-Mawardi menerusi kitab Al-Ahkam Al-Sultaniyyah Wa Al-Wilayat Al-Diniyyah, Al-Māwardi, 2006).



## 1.9 Batasan/Limitasi Kajian.

Menurut Ahmad Sunawari Long (2008), batasan kajian adalah batasan-batasan yang digariskan oleh penyelidik dalam kajiannya. Pengkaji meletakkan batasan;

- i. Kajian yang dilakukan adalah satu kajian ilmiah berbentuk kajian lapangan berasaskan temubual, pemerhatian dan analisis dokumen. Skop kajian adalah tertumpu kepada elemen patriotisme patuh syariah dalam mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah menengah sahaja.
- ii. Batasan lokasi kajian: Kajian dilakukan terhadap guru-guru Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia di beberapa buah sekolah menengah sekitar Wilayah Persekutuan Putrajaya.



## 1.10 Kepentingan Kajian

Dapatan kajian ini boleh dijadikan sebagai rujukan serta panduan pihak berkepentingan Pendidikan dan agama Islam di Malaysia seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Pejabat Menteri Hal Ehwal Agama di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), semua sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

Penerapan elemen patriotisme dalam pengajaran GPI ke arah pembentukan jati diri murid boleh dijadikan asas bagi menangani kebejatan patriotisme dan kerapuhan ilmu dan praktikaliti ketatanegaraan murid Islam sekolah menengah di Malaysia seterusnya membina masyarakat yang lebih sihat dan sejahtera. Dapatan kajian ini memberi manfaat dan membuka peluang kajian-kajian baru di peringkat kementerian,





universiti dan sebagainya. Berdasarkan bacaan dan pengamatan pengkaji, kebanyakan kajian sebelum ini hanya berkisar semangat patriotisme yang mengaitkan murid sekolah dan kurikulum sedia ada di sekolah secara umum. Mata pelajaran Sejarah adalah lebih sinonim dengan patriotisme. Dalam masa yang sama, potensi dan keterampilan mata pelajaran Pendidikan Islam sebenarnya jauh lebih besar dan berimpak untuk diketengahkan. Ini bermakna kajian ini merupakan kajian baharu yang dapat disumbangkan kepada Bahagian Pendidikan Islam, Bahagian Buku Teks malah sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dalam usaha membangunkan modal insan berkualiti. Selain daripada institusi sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, kajian ini juga amat bermanfaat dan berpotensi untuk pelestarian budaya cinta negara di institusi-institusi Pendidikan di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA), Jabatan Pengajian Politeknik (JPP), Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (JPKK) dan semua institusi pengajian tinggi awam dan swasta di bawah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Untuk peningkatan profesionalisme perkhidmatan guru Pendidikan Islam, kajian ini dapat menghasilkan satu kerangka elemen PPS dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Ia boleh dirujuk sebagai asas pembinaan satu modul pengajaran patriotisme dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Hal ini bersesuaian dengan peranan guru Pendidikan Islam selaku pendidik, pendakwah patriotik dan figura contoh untuk diteladani dan diikuti oleh murid dan masyarakat.

Keberhasilan menerusi aspek murid pula, kajian ini boleh dijadikan panduan dan asas kepada kesedaran tentang peri penting usaha-usaha dilakukan untuk memupuk semangat patriotisme, jati diri dan perpaduan dalam kalangan murid yang mempunyai kepelbagaian agama dan kepercayaan. Murid akan dapat berinteraksi, saling





mengetahui dan mempelajari kepelbagaian latar belakang, berasaskan panduan agama tanpa rasa prejudis. Kemampuan murid Islam untuk mengamalkan keperibadian dan jati diri cinta negara sambil mempromosikan imej Islam yang baik diharap dapat dijadikan satu contoh kepada murid-murid bukan Islam yang lain. Kefahaman tentang nilai patriotisme Islam ini bertujuan untuk mewujudkan masyarakat harmoni supaya pernyataan hasrat FPK dan FPI dapat direalisasikan dan menjadi satu dimensi baru dalam bidang penyelidikan pendidikan Islam di negara ini. Kajian ini diharapkan menjadi perintis untuk membuka ruang yang luas ke arah kepelbagaian kajian lain dalam usaha memahami secara lebih mendalam tentang konsep pembentukan peribadi mulia murid patriotik melalui pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.



## 1.11 Definisi Operasional Kajian

### 1.11.1 Elemen

Elemen ialah anasir atau ciri bagi sesuatu yang menjadi bahagian dalam sesuatu keseluruhan unsur. Dalam kajian ini, elemen merupakan unsur dan perkara yang mempunyai kaitan secara langsung dengan patriotisme patuh syariah.

Menurut Anuar Ahmad et al. (2015) antara elemen patriotisme ialah kebanggaan selaku rakyat Malaysia, penghormatan kepada raja dan pemimpin negara, penghargaan terhadap jasa perjuangan tokoh-tokoh negara, kecaknaan terhadap sejarah negara, pemeliharaan maruah bangsa dan negara, penghormatan lambang-lambang negara dan pengamalan tradisi budaya bangsa. Dalam kajian ini, elemen adalah unsur





dan ciri yang berkaitan dengan patriotisme patuh syariah dalam mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah menengah dari sudut dapatan dalil naqli, dokumen kenegaraan, kesusasteraan dan persuratan Melayu Islam.

### 1.11.2 Pendidikan Islam

Pendidikan Islam dalam kajian ini merujuk kepada mata pelajaran Pendidikan Islam bagi peringkat sekolah menengah iaitu meliputi tingkatan satu hingga tingkatan lima. Peranan Pendidikan Islam ialah untuk melahirkan insan yang berilmu, beriman, memiliki jati diri muslim yang berketrampilan, beradab dan berakhlak mulia serta berupaya menyumbang kepada agama, bangsa dan negara. Menurut Hassan (1980) antara tujuan pendidikan ialah suatu proses mempersiapkan generasi muda untuk mengisi peranan, memindahkan pengetahuan, nilai-nilai Islam yang diselaraskan dengan fungsi manusia untuk beramal di dunia dan memetik hasilnya di akhirat. Individu murid akan dibentuk, dibimbing rohani dan jasmani mereka untuk keperibadian yang menepati ukuran-ukuran Islam dan dapat mempersiapkan mereka untuk yang lebih baik dalam menghadapi masyarakat sekelilingnya (Marimba, 1980).

Pendidikan Islam adalah salah satu daripada mata pelajaran yang ditawarkan di peringkat sekolah menengah. Ia bermatlamatkan melahirkan insan soleh yang beriman, berilmu, beramal dan berakhlak. Mata pelajaran Pendidikan Islam bukan hanya penyampaian maklumat dan pengetahuan. Ia berperanan untuk pengamalan dan penghayatan oleh setiap individu muslim. Menurut Mohamad Kamal (1988) Pendidikan Islam bukanlah satu mata pelajaran yang sekadar menyampaikan satu



maklumat yang sempit dan kaku, malah ia menjadi satu sistem dan gagasan pembentuk prinsip dan cara hidup sebagai panduan kehidupan manusia sepenuhnya.

GPI sekolah menengah memiliki tanggungjawab yang besar dalam melestarikan patriotisme bertunjangkan syariah. Guru berperanan utama dalam mengajar, mendidik dan membimbing secara bersistematik (Abd. Ghafar Mahmud, 2011). Pandangan ini turut disokong oleh Ahmad Tarmizi dan Ab. Halim (2013) bahawa guru berperanan menyebarkan nilai-nilai luhur dalam tugasannya. GPI bukan hanya menyampaikan isi kandungan mata pelajaran semata-mata supaya pelajar lulus peperiksaan dengan cemerlang tetapi mempunyai tugas yang lebih mencabar iaitu untuk membentuk individu yang mempunyai jiwa patriotik.

### 1.11.3 Jati Diri

Dalam kajian ini, jati diri merujuk kepada pengetahuan, kefahaman, sikap, perangai murni dan akhlak murid dalam pembinaan cinta negara atau patriotisme yang sehati dengan diri seseorang murid sama ada berbentuk luaran atau dalaman menerusi proses pembelajaran. Ia berpaksi kepada pegangan agama dan pemikiran diri murid yang murni.

Keunggulan sesebuah negara amat bergantung rapat kepada jati diri jiwa bernegara. Menurut Ismail Bakar (2010) pembentukan jati diri kebangsaan merupakan keperluan yang asas dan menjadi agenda utama bagi setiap negara bangsa. Ini bertujuan untuk membina identiti yang berwibawa dan bercirikan nilai murni yang akan menjadi



teras kekuatan sesebuah negara. Jati diri berperanan membentuk keperibadian bangsa Malaysia. Perlembagaan Persekutuan memperincikan Islam dan hal ehwal aktiviti agama serta amalannya secara jelas (Ismail Ibrahim, 2010a). Dalam masa yang sama, jati diri patriotisme juga terbina dengan kekuatan dan kefahaman terhadap kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, keistimewaan bangsa Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak. Semua ini merupakan ciri-ciri penting pembentukan negara bangsa Malaysia. Oleh yang demikian, Ismail Ibrahim (2010a) juga berpendapat, rakyat harus mengenali jati diri dan sahsiahnya secara mendalam berpandukan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara kerana dasar-dasar negara dirangka berdasarkan perlembagaan tersebut.



#### 1.11.4 Sekolah Menengah

Pendidikan Menengah Rendah disediakan bagi murid-murid yang berumur tiga belas hingga lima belas tahun iaitu bermula Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga. Ia menjadi tempoh pendedahan pelbagai bidang ilmu dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama. Manakala Pendidikan Menengah Atas pula disediakan kepada murid-murid berumur 16 hingga 17 tahun iaitu Tingkatan Empat hingga Tingkatan Lima. Ia menjurus kepada aliran sastera, sains, agama, teknik, vokasional dan kemahiran termasuk menyediakan murid-murid untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat pendidikan tinggi atau alam pekerjaan.

Murid beragama Islam di sekolah menengah yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Islam bermula daripada tingkatan satu hingga tingkatan lima. Individu yang





berpotensi untuk dididik menjadi insan berguna kepada bangsa, agama dan negaranya sendiri serta memiliki semangat patriotik yang tinggi dan sentiasa berusaha untuk memajukan diri dalam pembangunan kemajuan akademik dan peningkatan jati diri dan sahsiah. Tahap penglibatan keagamaan dan spiritualiti menjadi faktor yang menyumbang kepada pencapaian akademik dalam kalangan pelajar (Steward & Jo, 1998; French et al., 2008; Hodge & Cuddeback, 2010).

### 1.11.5 Patriotisme

Kekuatan dan keutuhan sesebuah negara bergantung kepada tingginya nilai patriotisme yang ada dalam diri setiap insan yang bertapak di bumi Malaysia. Patriotisme adalah suatu keterikatan primordial terhadap sesuatu wilayah atau masyarakat, sesuatu sentimen kepunyaan, suatu perasaan, satu identiti atau satu semangat kecintaan yang kuat terhadap tanah air (Saifuddin Abdullah, 2005). Wujudnya keamanan yang dikecapi masa kini adalah hasil keringat para perjuang tanah air yang sentiasa menghargai nilai patriotisme dalam diri mereka.

Menurut al-Mawardi, kepimpinan negara merupakan instrumen untuk meneruskan misi kenabian yang bertujuan memelihara agama dan mengatur dunia (Syamsuddin Ramadhan, 2003). Pemeliharaan agama dan pentadbiran kenegaraan merupakan dua jenis aktiviti yang berbeza, tetapi berhubungan secara simbolik. Keduanya merupakan dua dimensi daripada misi kenabian. Patriotisme menurut al-Mawardi ditunjangi oleh enam tunjang utama iaitu agama yang dianut dan dihayati sebagai ketentuan kepercayaan kepada Tuhan, penguasa yang karismatik dan



berwibawa, keadilan yang menyeluruh, keamanan yang merata, kesuburan tanah yang berkesinambungan dan harapan kelangsungan hidup generasi hadapan (Al-Mawardi, 1999).

Semangat patriotisme umpama perisai bagi kedaulatan sesebuah negara. Ia merangkumi aspek kesetiaan dan semangat mempertahankan negara. Kesediaan seseorang warganegara untuk berkorban demi mempertahankan negara merupakan reaksi secara langsung dan terpuji yang mencerminkan ketinggian semangat patriotisme yang utuh.

#### 1.11.6 Patuh Syariah

Patuh Syariah merujuk kepada ciri-ciri patriotisme Islam yang ditaakul menerusi dapatan dalil naqli al-Quran dan al-Hadis. Secara amnya, peranan guru akan diklasifikasikan sebagai patuh syariah jika aktiviti pengajarannya bercirikan pembentukan jati diri dan cinta negara yang merupakan penggabungan antara dalil al-Quran dan al-Hadis dengan elemen maqasid Syariah yang terdapat dalam peruntukan perkara-perkara yang diwartakan oleh Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan prinsip Rukun Negara.

Patuh bermaksud menuruti perintah dan arahan dengan baik serta pengetahuan, kefahaman dan amalan yang bertepatan dengan syarak. Dalam konteks ini, patriotisme yang patuh kepada Syariah ialah cara dan amalan dalam menginterpretasikan cinta negara atau patriotisme menurut anjuran Islam. Syariah pula merujuk kepada jalan dan

model yang telah ditetapkan oleh Allah SWT menerusi al-Quran dan al-Hadith untuk dilaksanakan oleh setiap manusia.

## 1.12 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan tentang perkara-perkara asas yang menjadi tunjang kepada perjalanan kajian ini. Perincian dalam bab ini meliputi latar belakang kajian, permasalahan kajian, tujuan dan objektif kajian, persoalan kajian, kerangka teori dan kerangka konseptual kajian, kepentingan kajian, batasan serta definisi istilah yang terlibat dalam kajian.